



## PERADUAN: KAROCK GEGAR PAGI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

### A. TERMA-TERMA ASAS

1.	<b>Penganjur</b>	ASTRO RADIO SDN BHD (NO. SYARIKAT: 199601031120 (403472-D))
2.	<b>Stesen Radio</b>	GEGAR
3.	<b>Nama Peraduan</b>	KAROCK GEGAR PAGI
4.	<b>Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan</b>	Ini adalah peraduan media sosial untuk berpeluang memenangi wang tunai RM 1,000 dengan memuat naik video nyanyian beserta kapsyen dan hashtag #karockgegarpagi.
5.	<b>Mekanisme ringkas Peraduan</b>	<p>Pusingan pertama (20 peserta):</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Untuk pusingan pertama yang berlangsung dari 27 September 2021 sehingga 30 September 2021 ("<b>Tempoh Pusingan Pertama</b>"), Peserta perlu memuat naik video mereka sekurang – kurangnya sepanjang 15 saat dengan menyanyikan sebarang lagu yang telah di nyanyikan oleh kumpulan SPIN di akaun media Instagram dengan kapsyen yang tidak melebihi 25 patah perkataan, dengan hashtag #karockgegarpagi.</li> <li>2. Setiap hari untuk Tempoh Pusingan Pertama, 5 peserta akan di senarai pendek untuk menyanyikan sebarang lagu yang telah dinyanyikan oleh kumpulan SPIN secara live di Instagram pada pukul 9 malam. Nyanyian 5 peserta tersebut akan di adili oleh artis dibawah syarikat rakaman FMC.</li> <li>3. Daripada 5 peserta tersebut, hanya 2 penyertaan setiap hari yang akan layak ke pusingan semi-final.</li> </ol> <p>Pusingan semi-final (8 peserta):</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>4. Sepanjang pusingan semi-final yang berlangsung dari 3 Oktober 2021 hingga 4 Oktober 2021, 8 peserta (4 peserta setiap hari) perlu menyanyikan lagu di bawah rakaman syarikat FMC secara live di Instagram, di mana hanya 4 peserta (2 peserta setiap hari) sahaja akan dipilih oleh artis rakaman FMC sendiri untuk memasuki pusingan final.</li> </ol> <p>Pusingan final (4 peserta):</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>5. Pusingan final akan berlangsung pada 5 Oktober 2021 di mana rakaman video akan di rekod awal pada hari tersebut dan akan di muatnaik di Facebook Live pada 6 Oktober 2021, 9 malam.</li> <li>6. Untuk pusingan final, 4 peserta ini perlu menyanyikan lagu daripada kumpulan SPIN yang bertajuk Malam Semakin Dingin.</li> <li>7. Peserta yang dipilih oleh para hakim sebagai pemenang akan memenangi hadiah utama iaitu wang tunai RM 1,000. Peserta yang mendapat tempat kedua akan diberi RM 500, dan RM 200 sebagai hadiah suguhati akan diberi kepada 2 peserta yang lain.</li> </ol> <p>Seorang Peserta dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan, Bagaimanapun, seorang Peserta hanya boleh menang sekali dalam Peraduan ini. Mana-mana kemenangan seterusnya akan diisytiharkan tidak sah secara automatik</p> <p>Peserta mesti mematuhi mekanisme Peraduan seperti yang diubah, dipinda atau diberitahu oleh Penganjur dalam Tempoh Peraduan.</p>
6.	<b>Kriteria Kelayakan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>a) Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mencapai Umur Kelayakan sepertimana dinyatakan di bawah.</li> <li>b) Peserta mestilah seorang warganegara Malaysia dan memiliki Kad Pengenalan Malaysia yang sah.</li> </ol>

7.	<b>Ketidaklayakan</b>	<p>Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: -</p> <p>(a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor/Pembekal-Pembekal dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Entertainment Sdn Bhd, Astro Production Sdn Bhd, Astro Digital 5 Sdn Bhd dan Astro Malaysia Holdings Berhad, penaja Peraduan dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka.</p> <p>(b) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,000 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum menyertai Peraduan ini.</p> <p>(c) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,001 – RM5,000 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum menyertai Peraduan ini.</p> <p>(d) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM5,001 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari sebelum menyertai Peraduan ini.</p>
8.	<b>Umur Kelayakan</b>	<p>a) Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada masa penghantaran penyertaan atau pada tarikh penyertaan Peraduan.</p> <p>b) Dalam situasi di mana Peserta di bawah umur 18 tahun dibenarkan menyertai Peraduan ini, Peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga Peserta untuk memasuki Peraduan ini dan menerima Hadiah. Pihak Penganjur menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga Peserta di bawah umur 18 tahun untuk memantau penyertaan Peserta di dalam Peraduan ini. Ibu bapa atau penjaga mungkin, tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemniti dalam bentuk yang dikehendaki oleh pihak Penganjur sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan Hadiah Peserta di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.</p>
9.	<b>Caj</b>	Tidak berkeñaan
10.	<b>Tempoh Peraduan</b>	<p>25 September 2021 - 6 October 2021</p> <p>Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menangguhkan Tempoh Peraduan atau mana-mana tarikh, atau menetapkan tarikh baru mengikut budi bicara mutlaknyaa.</p>
11.	<b>Bahasa Peraduan</b>	Bahasa Malaysia
12.	<b>Prosedur Penyertaan</b>	<p>Peserta perlu memuat naik video nyanyian beserta kapsyen dan hashtag #karockgegarpagi untuk berpeluang memenangi wang tunai RM 1,000.00.</p> <p>Tetapan privasi profil / akaun / pos Peserta mestilah ditetapkan sebagai awam semasa dan selepas Tempoh Peraduan.</p>
13.	<b>Tarikh Tutup Penyertaan</b>	<p>Penyertaan mestilah diterima oleh pihak Penganjur pada atau sebelum 11.59 malam pada 30 September 2021.</p> <p>Penyertaan yang diterima sebelum bermulanya Tempoh Peraduan dan selepas Tarikh Tutup Penyertaan yang ditetapkan akan hilang kelayakan dan tidak layak untuk dipertimbangkan untuk Hadiah.</p>
14.	<b>Cara Penghantaran</b>	Melalui aplikasi laman sosial – Instagram
15.	<b>Alamat</b>	All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Lebuhraya Puchong-Sungai Besi, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur

16.	<b>Pemilihan Pemenang</b>	Pemilihan pemenang berdasarkan nyanyian yang sedap dan kreatif yang ditentukan oleh pihak Penganjur mengikut budi bicara mutlak.
17.	<b>Hadiah</b>	Tempat Pertama = RM 1,000 Tempat Kedua = RM 500 Tempat Saguhati = RM 200 x 2 orang pemenang
18.	<b>Pemakluman Pemenang</b>	Pemenang akan dimaklumkan oleh Pihak Penganjur selepas Tempoh Peraduan melalui SMS atau panggilan telefon.
19.	<b>Tempoh Pengambilan Hadiah</b>	Dalam tempoh satu (1) bulan daripada pemakluman pihak Penganjur
20.	<b>Tempat Pengambilan Hadiah</b>	Tidak berkenaan
21.	<b>Terma-terma tambahan, jika ada</b>	<p>Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta-Peserta bersetuju kepada Notis Privasi yang didapati di <a href="http://media2.fishtank.my/media/astroradio/assets/legal-privacy-terms/privacy-notice.pdf">http://media2.fishtank.my/media/astroradio/assets/legal-privacy-terms/privacy-notice.pdf</a></p> <p>Sekiranya transaksi pemindahan telegraf ke akaun bank pemenang gagal disebabkan oleh informasi yang dibekalkan oleh Pemenang adalah tidak lengkap dan/atau salah, Penganjur merizabkan haknya untuk menolak RM10.00 daripada nilai Hadiah untuk setiap penghantaran-semula transaksi tersebut.</p> <p>Sekiranya Pemenang memerlukan pengeluaran semula cek untuk Hadiah, RM50.00 akan ditolak daripada nilai Hadiah, melainkan pengeluaran semula itu adalah disebabkan oleh kecuaiian, kesilapan dan/atau kesalahan pihak Penganjur.</p> <p>Peraduan ini tidak sama sekali ditaja, disokong, ditadbir oleh, atau dikaitkan dengan, Instagram/Facebook. Peserta memahami bahawa anda memberikan maklumat anda kepada pihak Penganjur dan/atau penaja Peraduan dan bukan Instagram/Facebook.</p> <p>Dengan menghantar penyertaan, Peserta bersetuju untuk menyerahkan kepada dan memberikan Penganjur, penaja Peraduan ini dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka, hak mutlak dan lesen untuk seluruh dunia (yang kekal, tanpa royalti, tidak eksklusif dan yang boleh dilesenkan) untuk menggunakan, membuat salinan, meminda, mengubahsuai, menyesuaikan, menerbitkan, menterjemah, membuat karya terbitan daripada, mengedar, melaksanakan, bermain, membuat tersedia kepada orang awam, dan melaksanakan semua hak cipta dan publisiti berkenaan dengan foto/video/cerita yang dimuatnaik oleh Peserta dan Peserta mengetepikan apa-apa hak moral dalam foto/video/cerita tersebut. Penganjur, penaja Peraduan ini dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka hendaklah mempunyai hak tunggal (tetapi tidak ada kewajiban) untuk menggunakan, memuat naik atau menyiarkan foto/video/cerita yang dimuatnaik oleh Peserta dan/atau memasukkannya dalam karya lain dalam mana-mana media dan platform mengikut budi bicara mutlak untuk sebarang tujuan termasuk tujuan pengiklanan dan pemasaran tanpa apa-apa bayaran royalti kepada Peserta.</p> <p>Penyertaan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan tempatan dan akan ditapis oleh proses penapisan dalaman. Mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi peraturan akan hilang kelayakan. Peserta mestilah merupakan pemilik hak cipta foto/video/cerita yang dimuat naik oleh Peserta atau telah mendapat kebenaran daripada pemilik hak cipta untuk memuat naik foto/video/cerita tersebut. Peserta mesti mempunyai persetujuan ibu bapa atau penjaga untuk kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun untuk muncul dalam foto/video dan bagi foto/video tersebut dimuat naik ke media sosial.</p> <p>Semua Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar kepada atau dijual dalam apa jua cara untuk apa-apa barang, hadiah atau wang tunai.</p> <p>Panel hakim akan ditentukan berdasarkan budi bicara mutlak pihak</p>

		<p>Penganjur dan/atau penaja. Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan mana-mana Peserta untuk apa jua sebab, dan apa-apa keputusan oleh hakim, Penganjur dan/atau penaja yang berkaitan dengan Peraduan adalah muktamad dan Penganjur dan/atau penaja tidak akan melayan apa-apa rayuan oleh Peserta terhadap keputusan tersebut.</p> <p>Jika Hadiah adalah dalam bentuk tiket percuma, pas atau baucar:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) pemenang adalah tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat penganjur acara tersebut, penaja atau pihak yang mengeluarkan tiket, pas atau baucar tersebut;</li> <li>(b) pemenang mesti mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam tiket, pas atau baucar (seperti klasifikasi filem) dan peraturan lokasi di mana acara tersebut akan diadakan; dan</li> <li>(c) tempat, tarikh dan masa acara/program/filem/persembahan boleh diubah pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak Penganjur, penganjur acara atau penaja.</li> </ul>
--	--	--

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** (secara kolektif, "Terma dan Syarat") akan mengikat semua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma dan Syarat secara tanpa syarat oleh para Peserta.